



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

PENGURUSAN FASILITI DAN PENYELENGGARAAN (FMM) DI KUARTERS FASA 8, PRESINT 9, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN
(NO. TENDER: PPJ/JB/T/0039/2025)

- 1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TUTUP TENDER
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G6 Kategori: F Pengkhususan: F01 (Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am) DAN Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN	20 November 2025 (Khamis) 9:30 pagi Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya. (DIWAJIBKAN)	24 November 2025 (Isnin) sehingga 5 Disember 2025 (Jumaat) Jualan dokumen secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak dikembalikan) Bayaran secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	15 Disember 2025 (Isnin) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

- 3. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
- 4. Taklimat tender akan diadakan pada **20 November 2025 (Khamis), 9:30 pagi di Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, STB dan Cap Syarikat.
- 5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
- 6. Tender ini akan ditutup pada **15 Disember 2025 (Isnin), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan, pada tarikh yang ditetapkan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender **dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak)**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibenarkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.